



--	--

BORANG MAKLUMAN ACARA HARGA JUALAN MURAH

A. KETERANGAN SYARIKAT

Nama penuh syarikat perniagaan			
Nama penuh pengurus			
Alamat penuh persuratan			
Nombor perhubungan	(B)	(P)	(F)
Alamat e-mel yang aktif			
Alamat penuh premis perniagaan (termasuk cawangan yang ikut serta) <i>Jika ruang tidak mencukupi, sila lampirkan alamat tersebut bersama borang ini</i>			
Jenis perniagaan			

B. KETERANGAN ACARA HARGA JUALAN MURAH

Tajuk	
Tarikh	Bermula hingga
Potongan peratus (%) yang akan ditawarkan % hingga %
Aktiviti tambahan <i>Contoh: pemberian kupon, purchase-with-purchase dan hadiah percuma</i>	

C. SYARAT-SYARAT MENGADAKAN ACARA HARGA JUALAN MURAH

1. Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012 boleh dimuat turun dari laman sesawang Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) (<https://deps.mofe.gov.bn/SitePages/Cheap%20Sale%20Price%20Event.aspx>).
2. Syarikat perniagaan yang ingin mengadakan acara harga jualan murah dikehendaki untuk mengisikan Borang Makluman (*Notification Form*) ini dengan lengkap dan dihadapkan melalui e-mel sales@jpes.gov.bn atau kaunter Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES, selewat-lewatnya 5 hari (waktu bekerja) sebelum acara harga jualan murah bermula. JPES akan mengeluarkan Notis Jualan untuk dipamerkan di tempat bersesuaian dan mudah dilihat oleh orang ramai sepanjang tempoh acara harga jualan murah berlangsung.
3. Tempoh maksimum bagi mengadakan acara harga jualan murah adalah selama 21 hari dengan tempoh lanjutan sebanyak 10 hari (dengan tambahan minimum 5% diskaun ke atas potongan peratus (%)) yang sedang ditawarkan seperti dinyatakan di dalam Bahagian B). Jarak di antara dua acara harga jualan murah adalah selama 14 hari.
4. Maklumat senarai harga (termasuk kod bar, jenama, harga asal, harga selepas potongan dan peratus potongan) dan maklumat-maklumat yang relevan hendaklah sentiasa tersedia di dalam setiap premis perniagaan yang mengadakan acara harga jualan murah dan sedia untuk diserahkan kepada penguatkuasa Jabatan ini semasa pemeriksaan rambang dijalankan selaras dengan Peraturan 11(a) dan (b) di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012.
5. Semua barang atau perkhidmatan yang dijual hendaklah dibubuh dengan terang dan jelas tanda harga asal, harga selepas potongan dan/atau potongan peratus selaras dengan Peraturan 9(1) di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012. Harga asal bermaksud harga biasa paling rendah yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dalam masa menjalankan perniagaan di premis yang sama dalam tempoh 30 hari sebelum bermulanya acara harga jualan murah.
6. Setiap pengiklanan melalui media perlu disertakan (i) nombor pendaftaran, tarikh dan tempoh acara harga jualan murah; (ii) jenis barang atau perkhidmatan yang ditawarkan; dan (iii) tempat acara harga jualan murah diadakan. Pengiklanan hendaklah jelas agar tidak mengelirukan pengguna. Kain rentang dan iklan hendaklah menggunakan tajuk dalam keterangan di Bahagian B dan boleh dipasang dan dikeluarkan seawal-awalnya 3 hari sebelum acara harga jualan murah bermula.
7. Syarikat perniagaan akan dipertanggungjawabkan jika menerima sebarang aduan daripada orang ramai mengenai barang atau perkhidmatan yang dijual atau ditawarkan semasa acara harga jualan murah yang melibatkan:
 - a) barang-barang yang mempunyai kualiti boleh-dagang;
 - b) barang-barang atau perkhidmatan sesuai dengan munasabah untuk tujuan-tujuannya; dan
 - c) waranti atau jaminan ke atas barang-barang atau perkhidmatan.
8. Syarikat perniagaan perlu mematuhi syarat-syarat di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga(Harga Jualan Murah), 2012 termasuk menyatakan keterangan yang benar di dalam Borang Makluman dan Senarai Harga. Kegagalan dalam mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah menjadi kesalahan dan boleh dikenakan kompaun tidak melebihi BND1,000. Jika masih berulang boleh dikenakan denda sebanyak BND5,000 serta 2 tahun penjara dan kesalahan berikutnya BND20,000 serta 5 tahun penjara.

D. PENGAKUAN

Syarikat perniagaan saya dengan ini **bersetuju dan dipertanggungjawabkan** dalam mematuhi syarat-syarat acara harga jualan murah selaras dengan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012.

Saya, selaku wakil syarikat, dengan ini juga mengaku bahawa maklumat yang dihadapkan adalah benar dan betul sepengetahuan saya, dan saya faham bahawa adalah menjadi satu kesalahan untuk memberikan maklumat palsu kepada Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES).

.....
Tandatangan & Cop Syarikat

[Nama:] Tarikh:

E. KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

No. Fail:	
Diterima oleh: Tarikh ()	Didaktarkan oleh: Tarikh ()

Nota:

- Borang Makluman diterima melalui e-mel pada ().
- Pernah menghadapkan *Business Name Extract* sebelum ini.
- Hasil penelitian awal Jabatan mendapati Borang Makluman layak diproses dan diterima dengan menurunkan cop penerimaan Jabatan.

Lain-lain catatan:

.....
.....
.....
.....